

# Fintech tingkat kecekapan, keberkesanan kewangan Islam

**Kerangka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE)** dibangunkan Akademi Sains Malaysia menyenaraikan 10 pemacu sosio-ekonomi utama Malaysia dengan 10 pemacu sains dan teknologi terkemuka global, sejajar kekuatan dan keperluan negara menjelang 2030.

*Fintech* dalam kewangan Islam antara 12 bidang khusus dikenal pasti berupaya menjadi penggerak ekonomi negara melalui kerangka MySTIE.

Seperti teknologi diadaptasi dalam pelbagai sektor, sektor kewangan turut mengadaptasinya dalam aktiviti berkaitan kewangan seperti perbankan internet, data raya dan blok rantai.

Seterusnya ia menjadi jambatan menghubungkan jurang antara teknologi dengan kewangan. Ringkasnya, *Fintech* ialah aplikasi teknologi terkini di setiap bidang berkaitan kewangan.

Kualiti hubungan antara bank dengan pelanggan turut meningkat melalui aplikasi *Fintech* dan apabila membabitkan teknologi, kewangan konvensional dan kewangan Islam akan turut terpacu.

Melalui *Fintech*, kecekapan dan keberkesanan pengurusan dalam kewangan akan meningkat, seterusnya dapat memudahkan pelanggan untuk berurusan dengan institusi kewangan melalui pelbagai aktiviti serta produk kewangan.

*Fintech* dalam konteks kewangan Islam pula, mestilah dilihat dari sudut kepatuhan terhadap garis panduan syariah. Bagaimanapun, pematuhan terhadap garis panduan syariah perlulah ditentukan secara terperinci berhubung pelaksanaannya.

Pengarah Eksekutif di Akademi Penyelidikan Shari'ah Antarabangsa untuk Kewangan Islam, Prof Dr Akram Laldin, menjelaskan prinsip syariah berkaitan transaksi perniagaan (muamalat) diatur sebuah gagasan yang setiap transaksi diperbolehkan kecuali jika ada teks jelas yang melarangnya.

Prinsip dibenarkan memberikan fleksibiliti dalam inovasi dan amalan baharu dalam urus niaga perniagaan dan kewangan. Semua inovasi dalam muamalat dianggap dibenarkan dan dialu-alukan.

Dalam hal ini, inovasi dalam *Fintech* menjadi tidak boleh diterima hanya jika ada bukti jelas bertentangan (menentang) peraturan asas syariah. Oleh itu, aplikasi dan amalan *Fintech* seperti dalam kewangan Islam tradisional, harus mengikuti prinsip syariah.

Prinsip itu adalah dengan menghindari unsur dilarang dalam transaksi seperti bunga (riba), perjudian (maysir), ketidakpastian (gharar), bahaya (darar) dan menipu (tadlis). Ia juga perlu telus tanpa kos tersembunyi, pembiayaan tidak bertanggungjawab atau tidak beretika. Ini memberi kita panduan mengenai apa dimaksudkan dengan 'kepatuhan syariah' di *Fintech*.

Pemain industri kewangan wajib tidak menimbulkan keburukan, penipuan, kos tersembunyi atau memabitkan unsur seperti riba, perjudian, gharar dan elemen terlarang lain yang menyebabkan penjualan menjadi tidak sah dalam penggunaan *Fintech* terutama dalam aspek kewangan sosial seperti wakaf, zakat serta sedekah.

Sebagai hab kewangan Islam di rantau Asia, Malaysia memainkan peranan amat besar dalam menjadi pelopor dan pemacu *Fintech* dalam kewangan Islam.

Peningkatan aplikasinya dalam kewangan Islam di negara ini turut datang bersama peningkatan risiko ancaman keselamatan maklumat.

Kaji selidik Global *Fintech* pada 2016 mendapati 56 peratus responden termasuk Malaysia bersetuju peningkatan trend terhadap pelaksanaan *Fintech* turut menyebabkan meningkatnya risiko ancaman keselamatan maklumat dan privasi.

Hal ini secara tidak langsung membimbangkan banyak pihak hingga menyebabkan banyak organisasi tidak mahu mengambil peluang untuk melabur

dalam teknologi.

Malah, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyertu pemain dalam perbankan dan kewangan Islam untuk giat melabur dalam teknologi hingga membolehkan aktiviti serta produk kewangan Islam dapat dipasarkan lebih berkesan.

Bagaimanapun, aspek keselamatan dalam teknologi berkaitan kewangan Islam tidak boleh dipandang enteng. Justeru, perlu ada penilaian tahap keselamatan maklumat terhadap *Fintech* dalam kewangan Islam.

Untuk memberi gambaran lebih jelas, insiden keselamatan maklumat di negara ini meningkat tiga kali ganda pada 2009 hingga 2020. Sebanyak 10,790 kes insiden keselamatan maklumat direkodkan pada 2020, berbanding 3,564 (2009).

Penjenayah siber lebih menyasarkan institusi kewangan dan orang awam yang sering berurusan dengan institusi kewangan. Kelemahan terhadap perlindungan dan pertahanan keselamatan maklumat menjadi kelebihan kepada penjenayah siber untuk melakukan serangan.

Implikasinya secara tidak langsung boleh menjejaskan kestabilan ekonomi dalam negara. Reputasi institusi kewangan terhadap ketahanan dalam perlindungan keselamatan maklumat akan terjejas hingga pelabur tidak berani membuat pelaburan di dalam negara. Persepsi orang awam turut terjejas, seterusnya menjauhkan diri mereka daripada berurusan dengan institusi kewangan terjejas disebabkan serangan siber.

Secara umumnya, keselamatan maklumat ialah mekanisme perlindungan terhadap nilai aset maklumat dalam sesebuah organisasi daripada apa-apa insiden keselamatan maklumat sama ada secara sengaja atau tidak disengajakan.

Ia juga melindungi daripada pelbagai bentuk ancaman sama ada dalaman atau luaran yang boleh

mendatangkan bahaya dan kerugian terhadap aset maklumat. Prinsip kerahsiaan, integriti dan ketersediaan sering menjadi kayu ukur untuk mengukur tahap keselamatan maklumat dalam organisasi.

Aset yang terdapat dalam kewangan Islam seperti dana pelaburan dan perjanjian (aqad) perlindungan takaful perlu dipastikan bahawa maklumat yang hanya dapat diakses hanya daripada mereka diberi kuasa untuk berbuat demikian sama ada dalam bentuk digital atau fizikal.

Begitu juga dalam semua keadaan dan lokasi yang perlu diberi perlindungan agar tidak dapat diakses sewenang-wenangnya oleh pihak lain secara sengaja atau tidak sengaja. Hal ini bertepatan dengan prinsip kerahsiaan dalam keselamatan maklumat.

Prinsip integriti dalam kewangan Islam pula boleh diterjemahkan sebagai usaha untuk menjaga ketepatan, kelengkapan maklumat dan cara sahih ia diproses. Sumber maklumat premier dan paling dasar menurut prinsip Islam mestilah daripada al-Quran dan sunnah.

Seterusnya diikuti sumber sekunder seperti pendapat kolektif sarjana Muslim (ijmak), analogi hukum (qias), kepentingan umum (masalah mursalah) dan adat dipersetujui (adat muhkamah).

Bagi mengaplikasikan prinsip integriti terhadap *Fintech* dalam kewangan Islam, perlu dipastikan sebarang langkah keselamatan membolehkan aset maklumat tersebut disusun, dihantar, diproses, atau digunakan tanpa kompromi, perubahan atau rasuah.

Prinsip integriti dalam aplikasi *Fintech* dalam kewangan Islam boleh dinilai melalui pemrosesan nilai dan sumber maklumat terdapat pada sesebuah teknologi kewangan mestilah disahkan selari dengan prinsip dalam Islam.

Ketersediaan maklumat dapat memastikan pihak diberi kuasa mempunyai akses kepada maklumat dan aset berkaitan apabila diperlukan. *Fintech* dalam kewangan Islam yang sedang meningkat perlu memastikan sumber maklumat sentiasa ada dan dapat diakses sekiranya diperlukan.

Ketiadaan maklumat akan menyebabkan hilangnya produktiviti. Hal ini termasuk ketersediaan produk kewangan Islam seperti terma pelaburan patuh syariah, dana dan sokongan peraturan.

Hubung kait antara prinsip keselamatan maklumat dalam *Fintech* amat wajar diperhalusi bagi memastikan apa-apa teknologi kewangan Islam dibangunkan, dapat menterjemahkan prinsip syariah berkaitan transaksi perniagaan (muamalat) terhadap apa-apa aktiviti dan produk kewangan Islam, seterusnya menghindari unsur dilarang dalam transaksi.

*Penulis adalah Pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor*



**Qamarul Nazrin Harun**

**Hubung kait antara prinsip keselamatan maklumat dalam Fintech amat wajar diperhalusi bagi memastikan apa-apa teknologi kewangan Islam dibangunkan, dapat menterjemahkan prinsip syariah.**

